



Wan Ahmad Dahlan (kanan) dan Johari (dua dari kanan) pada Seminar Sejenak Bersama Yang Dipertua Dewan Rakyat di Sungai Petani, semalam. (Foto FB Jabatan Perkhidmatan Awam)

# Keberkesanan kerja dari rumah diketahui minggu depan

**Data lengkap pelaksanaan dasar bantu kerajaan buat perancangan ketika krisis**

Oleh **Dr Hifzuddin Ihsan**  
hifzuddin@bh.com.my

**Sungai Petani:** Penilaian keberkesanan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi sektor awam dijangka dapat diketahui seawalnya minggu hadapan, sebelum keputusan lanjut mengenai dasar itu diputuskan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata pihaknya masih menilai keseluruhan impak dasar itu yang bermula kelmarin.

Sehubungan itu, katanya, tempoh pelaksanaan BDR bagi sektor awam seluruh negara belum ditentukan buat masa ini.

“Maklumat dan data lengkap mengenai pelaksanaan dasar BDR penting bagi membolehkan kerajaan membuat perancangan ketika waktu krisis.

“Mungkin kita boleh lihat selepas seminggu (pelaksanaan BDR) apabila data yang lebih menyeluruh dapat diperolehi bagi menilai keberkesanan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Seminar Sejenak Bersama Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul di sini, semalam.

## **BDR tak berdepan masalah**

Wan Ahmad Dahlan berkata, pelaksanaan BDR yang bermula kelmarin berjalan lancar dan tidak berdepan masalah.

“Ia tidak menjejaskan perkhidmatan diberikan, tetapi untuk kita melihat kesannya secara lebih jelas, kita perlu mengambil se-

Rutin kerja terancang bantu penjawat awam kekal fokus, produktif



Keratan akhbar BH semalam.

dikit masa,” katanya.

Beliau berkata, pemantauan pihaknya mendapati penjawat awam berupaya melaksanakan tugas seperti biasa.

## **Ibadat & Fadilat**

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:  
“Apabila kamu semua menunaikan solat Jumaat, tunaikanlah solat sunat empat rakaat selepas itu.” (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:01	1:21	4:29	7:28	8:38
Alor Setar	6:01	1:20	4:29	7:27	8:38
P. Pinang	6:02	1:20	4:30	7:27	8:37
Ipoh	6:00	1:18	4:29	7:24	8:34
Kuala Lumpur	5:58	1:16	4:27	7:21	8:31
Shah Alam	5:58	1:16	4:27	7:21	8:31
Johor Bahru	5:51	1:07	4:20	7:11	8:21
Kuantan	5:53	1:10	4:22	7:15	8:25
Seremban	5:58	1:14	4:27	7:19	8:29
Bandar Melaka	5:57	1:13	4:26	7:17	8:27
Kota Bharu	5:54	1:13	4:22	7:20	8:26
K. Terengganu	5:51	1:09	4:19	7:16	8:26
Kota Kinabalu	4:58	12:17	3:27	6:24	7:35
Kuching	5:26	12:42	3:56	6:46	7:56